

KRITIK MATAN BERUNSUR MUJĀZAFAH: ANALISIS TERHADAP HADIS-HADIS TERPILIH

Oleh:

Nur Muhammad Anas Mohd Razak¹

Mohd Arif Nazri²

Latifah Abdul Majid³

Abstrak

Sejarah telah membuktikan bahawa ahli-ahli hadis telah berusaha dengan gigih dalam memelihara kesucian hadis Nabi SAW selain memastikan ia terpelihara daripada penyelewengan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Dalam usaha melanjutkan peranan ini, kajian ini dijalankan bagi menilai keberkesanan kaedah mengenal pasti hadis palsu, khususnya melalui analisis matan yang berunsur mujāzafah. Kajian dilakukan terhadap beberapa hadis palsu terpilih menggunakan metodologi kepustakaan, dengan analisis data melalui metode induktif dan analisis kandungan. Hasil kajian mengenal pasti tiga kriteria utama hadis palsu yang mengandungi unsur mujāzafah, iaitu perumpamaan yang melampau, ancaman keterlaluan dan ganjaran berlebihan. Kajian ini memberikan implikasi positif dalam menangani penyebaran hadis palsu yang semakin berleluasa dalam masyarakat. Diharapkan, kajian ini dapat

¹ Pelajar PhD, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
Emel: ibnurazak10@gmail.com

² Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Emel: mohdarif@ukm.edu.my

³ Profesor Madya, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Emel: umilm@ukm.edu.my

menyumbang kepada bidang kritik hadis serta meningkatkan kesedaran umat Islam agar lebih berhati-hati dalam menerima dan menyebarkan hadis, sekali gus menjaga martabat hadis Nabi SAW sebagai sumber utama dalam agama Islam.

Kata Kunci: Kritik matan, hadis, mujāzafah, ancaman, ganjaran

1.0 PENDAHULUAN

Penyebaran hadis palsu tanpa menjelaskan kepalsuannya termasuk dalam kategori dosa besar. Berbohong serta bersubahat dalam penyebarannya adalah kesalahan serius dalam Islam, apatah lagi jika pembbohongan itu menggunakan nama Allah SWT dan Nabi-Nya. Implikasi terhadap agama amat besar kerana ia melibatkan sumber utama dalam perundangan Islam. Individu yang terpedaya dengan hadis palsu akan mengamalkan sesuatu yang disangkanya berasal daripada wahyu, sedangkan hakikatnya tidak demikian. Jika kandungan hadis yang dipalsukan bercanggah dengan fakta dan logik, agama akan kelihatan tidak rasional serta menjadi sasaran kritikan. Nabi SAW telah memberi amaran yang jelas:

إِنَّ كَذِبًا عَلَيَّ لَيْسَ كَكَذِبٍ عَلَى أَحَدٍ، مَنْ كَذَبَ عَلَيَّ
مُتَعَمِّدًا، فَلْيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ

Maksudnya:

“Sesungguhnya berbohong ke atasku tidak sama berbohong ke atas orang lain. Sesiapa yang berbohong ke atasku dengan sengaja, maka persiapkanlah tempatnya di dalam neraka.”⁴

⁴ al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā‘īl. 2001. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Damsyik: Dār Tuq al-Najāh. Hlm 80/2.

Pemeliharaan hadis Nabi SAW telah berlangsung sejak zaman para sahabat RA, dengan pelbagai usaha telah dilakukan untuk memastikan hadis tidak diselewengkan. Ahli-ahli hadis sepanjang zaman telah berusaha menapis dan menyaring riwayat, bahkan mereka menyenaraikan kelompok-kelompok yang terlibat dalam pemalsuan hadis. Menurut Ibn al-Ṣalāḥ, golongan pemalsu hadis boleh dikategorikan kepada beberapa kumpulan dan yang paling berbahaya adalah mereka yang menyandarkan diri kepada golongan zuhud. Mereka mencipta hadis palsu atas alasan untuk mendorong manusia kepada kebaikan dan pahala lalu menyebabkan ramai yang menerimanya tanpa menyemak kesahihannya kerana terpengaruh dengan keperibadian dan status mereka. Namun, para ahli hadis kemudiannya bangkit membongkar kepalsuan ini serta berusaha untuk menghapuskannya.⁵

Selain itu, sebahagian ulama hadis telah mengembangkan kaedah khusus bagi membantu umat Islam mengenal pasti hadis palsu berdasarkan matan. Menurut al-Dumaynī, Ibn al-Jawzī adalah antara tokoh yang mempelopori usaha menetapkan kriteria bagi mengenali hadis palsu, sebelum metodologi ini dikembangkan lagi oleh Ibn al-Qayyim, salah seorang tokoh hadis terkenal pada abad ke-7 H.⁶

2.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian mengenai *naqd al-mutūn* merangkumi skop yang luas, namun kajian ini memberi tumpuan khusus kepada hadis-hadis palsu terpilih yang mengandungi unsur *mujāzafah*. Fokus ini bertujuan untuk mengenal pasti ciri-ciri hadis yang berlebihan

⁵ Ibn al-Ṣalāḥ, Uthmān bin 'Abd al-Raḥmān. 1986. *ʿUlūm al-Ḥadīth*. Beirut: Dār al-Fikr al-Muʿāṣir. Hlm 99.

⁶ Misfar Ibn Ghurm Allah al-Dumaynī. 1984. *Maqāyīs Naqd Mutūn al-Sunnah*. Riyadh. Hlm 5.

dalam perumpamaan, ancaman dan ganjaran, serta meneliti kritikan ulama hadis terhadap riwayat sedemikian. Untuk mencapai objektif kajian, kaedah kepustakaan digunakan sebagai pendekatan utama dalam pengumpulan data. Setiap maklumat sekunder diperoleh melalui analisis dokumen dan rekod sedia ada. Kaedah ini bukan sahaja menyokong dapatan kajian, tetapi juga membantu menentukan hala tuju penyelidikan berdasarkan sumber rujukan sarjana terdahulu. Data yang dikumpulkan kemudian dianalisis secara mendalam dengan meneliti ulasan dan kritikan ahli hadis dalam karya-karya primer. Kajian ini turut menerapkan metode induktif iaitu pendekatan yang membentuk kesimpulan umum berdasarkan analisis data khusus. Kaedah ini membolehkan kajian mengenal pasti corak kritikan dalam penilaian matan hadis serta memberikan justifikasi kukuh dalam menentukan keabsahan sesuatu riwayat.

3.0 KRITIK MATAN HADIS

Ilmu *Naqd al-Mutūn* merupakan salah satu cabang utama dalam kajian hadis yang bertujuan menilai keabsahan matan (teks) sesuatu hadis. Kajian ini berkembang dengan menetapkan kriteria-kriteria khusus bagi menilai kesahihan kandungan hadis serta memastikan ia tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip syariat. Kepentingan ilmu ini sangat besar kerana ia berkait rapat dengan pemeliharaan sumber utama agama, iaitu hadis Nabi SAW.

Dalam kajian hadis, kritik matan berfungsi sebagai mekanisme bagi mengenal pasti hadis-hadis yang tidak sesuai dari segi lafaz mahupun makna, terutama hadis yang mengandungi unsur *mujāzafah*. Perbincangan mengenai kritik matan ini telah mengalami perkembangan pesat sejak zaman awal Islam, bahkan menjadi asas dalam disiplin ilmu hadis bagi membezakan hadis sahih daripada hadis daif atau palsu.

3.1 Konsep Kritik Matan dalam Ilmu Hadis

Istilah kritik merujuk kepada proses analisis, penilaian dan teguran terhadap sesuatu perkara.⁷ Dalam bahasa Arab, kritik disebut sebagai *naqd* yang bermaksud menonjolkan sesuatu yang terselindung dan mendedahkannya kepada penilaian. Menurut Ibn Fāris, perkataan *naqd* berasal daripada huruf *nun*, *qaf* dan *dal* yang membawa maksud menilai sesuatu dengan membongkar keadaannya, sama ada berkualiti atau sebaliknya.⁸ Dalam konteks hadis, *naqd* merujuk kepada kajian kritis bagi menentukan keaslian sesuatu riwayat.⁹

Perkataan matan berasal daripada bahasa Arab yang terdiri daripada huruf *mim*, *ta'* dan *nun* yang bermaksud sesuatu yang kukuh dan luas.¹⁰ Dalam istilah ilmu hadis, matan merujuk kepada teks hadis yang datang selepas tamatnya rangkaian sanad. Dengan kata lain, matan ialah bahagian utama dalam sesebuah hadis yang menyampaikan isi kandungan ajaran atau hukum.¹¹

Secara umum, istilah kritik matan hadis tidak mempunyai definisi yang disepakati secara menyeluruh dalam kalangan ulama hadis.¹² Namun, beberapa perspektif telah dikemukakan bagi memahami konsep ini dengan lebih jelas.

⁷ Dewan Bahasa dan Pustaka. 2005. *Kamus dewan edisi keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm 830.

⁸ Ibn Fāris, Aḥmad bin Fāris. 1979, *Mu'jam Maqāyīs al-Lughah*. Dār al-Fikr. Hlm 467.

⁹ Abū Dāwud al-Sajestānī, Sulaymān bin al-Ash'ath. 1979. *Su'alat Abī Abid al-Ajri Abā Dāwud al-Sajestānī fī al-Jarḥ wa al-Ta'dīl*. Madīnah al-Munawwarah: 'Imādah al-Bahath al-'Ilmī bi al-Jāmi'ah al-Islāmiyah al-Madīnah al-Munawwarah. Hlm 45.

¹⁰ Ibn Fāris, Abū Ḥussīn Aḥmad bin Fāris. 1979, *Mu'jam Maqāyīs al-Lughah*. Dār al-Fikr. Hlm 294/5.

¹¹ al-Suyūṭī, 'Abd al-Raḥmān bin Abū Bakar. 1994. *Tadrīb al-Rāwī fī sharḥ Taqrīb al-Nawāwī*. Riyadh: Maktabah al-Kawthar. Hlm 28.

¹² Nahlā' binti Ḥamdan al-Ḥarbī. 2014. *Ma'āyir Naqd Matn 'ind Imām al-Khaṭṭabī*. Tesis Sarjana. Taibah University, Arab Saudi. Hlm 27

Menurut Shafeeq Vengara dalam kajiannya, kritik matan hadis melibatkan beberapa aspek utama dalam menilai dan menyesuaikan kandungan matan dengan prinsip agama. Salah satu aspek utama dalam kritik matan hadis ialah menyesuaikan kandungan matan dengan prinsip agama seperti teks hadis dibandingkan dengan ajaran al-Quran, prinsip syariat dan logik Islam yang diterima. Ini memastikan bahawa sesuatu hadis tidak bercanggah dengan sumber hukum utama dalam Islam. Selain itu, kritik matan juga merangkumi *tarjīh*, iaitu pemilihan antara dua matan yang bercanggah. Apabila terdapat perbezaan dalam riwayat, maka matan yang lebih kuat dan selaras dengan prinsip Islam akan diutamakan. Aspek lain dalam kritik matan ialah menolak hadis yang bercanggah dengan nas atau akal yang sihat. Sekiranya sesuatu hadis bertentangan dengan ajaran Islam yang jelas atau tidak masuk akal, hadis tersebut akan ditolak. Bahkan, terdapat juga pendekatan mengkritik matan walaupun hadis itu diterima secara umum. Ini bermaksud bahawa meskipun sanad hadis sahih, kandungan hadis masih perlu dikaji jika terdapat unsur yang meragukan atau tidak bersesuaian dengan konteks Islam.¹³

Dalam pendekatan yang lebih moden, kritik matan hadis juga melibatkan penolakan hadis yang bertentangan dengan prinsip syarak atau logik. Walaupun sanadnya kelihatan kukuh, jika kandungan hadis bercanggah dengan realiti atau hukum Islam, ia boleh menjadi faktor yang menyebabkan hadis tersebut ditolak. Dalam kalangan ahli hadis klasik, pendekatan menolak hadis yang bercanggah dengan nas atau akal yang sihat lebih banyak dipraktikkan kerana ia selari dengan kaedah pentashihan riwayat yang diamalkan oleh generasi awal. Sebaliknya, dalam kajian hadis moden, pendekatan menolak hadis berdasarkan prinsip rasional

¹³ Shafeeq Vengara. 2018. *Naqd Matn al-Ḥadīth: Tārīkhhu wa Maqāyisuhu wa manāhij al-‘Ulamā’ Fīhi*. Tesis Sarjana. Darul Huda Islamic University, Kerala, India. Hlm 24-25.

lebih banyak digunakan bahkan analisis logik menjadi asas dalam menilai kesahihan matan hadis.¹⁴

4.0 WAHYU DAN KANDUNGAN HADIS

Menurut al-Ghazālī, setiap ucapan yang disampaikan oleh Nabi SAW merupakan hujah yang sahih dan memiliki kedudukan tinggi dalam agama Islam. Ucapan Nabi SAW bukan sekadar kata-kata biasa, tetapi ia merupakan bukti kemukjizatan dan kebenaran ajaran yang dibawanya. Oleh itu, setiap perintah dan larangan yang terkandung dalam hadis perlu diterima serta dijadikan pedoman oleh umat Islam. Hal ini kerana Nabi SAW tidak berbicara berdasarkan dorongan hawa nafsu atau kepentingan peribadi, sebaliknya setiap ucapan yang disampaikan olehnya adalah berpandukan wahyu daripada Allah SWT.¹⁵ Dalam hal ini, Allah SWT telah menegaskan dalam firman-Nya:

وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ ۚ إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ ﴿٤﴾

al-Najm 27:3-4

Maksudnya:

“Dan ia tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan agama Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakan itu (sama ada Al-Quran atau Hadis) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya.”

¹⁴ Shafeeq Vengara. 2018. *Naqd Matn al-Hadīth: Tārīkhhu wa Maqāyisuhu wa manāhij al-‘Ulamā’ Fīhi*. Tesis Sarjana. Darul Huda Islamic University, Kerala, India. Hlm 24-25.

¹⁵ al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad. 1993. *al-Mustasfā*. Dār al-Kutūb al-‘Ilmiyah. Hlm 103.

Ayat ini menegaskan bahawa setiap perkataan yang diungkapkan oleh Nabi SAW adalah berdasarkan petunjuk Ilahi dan bukan sekadar pandangan peribadi. Oleh itu, hadis yang sahij wajib diterima sebagai sumber hukum dan panduan hidup yang tidak boleh dipertikaikan. Sebarang bentuk pemalsuan hadis atau tafsiran yang menyimpang daripada maksud sebenar boleh membawa kepada penyelewengan dalam pemahaman agama, sekali gus menjejaskan ketulenan ajaran Islam. Hal ini menekankan kepentingan kritik matan hadis, bagi memastikan setiap riwayat yang disandarkan kepada Nabi SAW benar-benar berasal daripada Baginda serta bertepatan dengan prinsip Islam yang tulen. Dalam menafsirkan ayat keempat Surah al-Najm, Ibn Kathīr menjelaskan bahawa Nabi SAW hanya menyampaikan apa yang diperintahkan kepadanya oleh Allah SWT tanpa sebarang tambahan atau pengurangan, sekali gus membuktikan bahawa setiap ucapan Baginda adalah wahyu yang mutlak dan tidak boleh dipertikaikan.¹⁶

5.0 HADIS BERUNSUR MUJĀZAFĀH

Salah satu metode kritik matan hadis yang digunakan oleh ahli-ahli hadis ialah menilai kandungan hadis yang mengandungi perumpamaan berlebihan, terutama dalam aspek ganjaran dan ancaman yang terlalu melampau bagi amalan tertentu. Pendekatan ini bertujuan untuk mengenal pasti hadis-hadis yang diselewengkan atau direka untuk tujuan tertentu. Antara tokoh hadis yang menonjol dalam mengaplikasikan kaedah ini ialah Ibn al-Jawzī. Dalam kritikan beliau terhadap hadis yang mengandungi unsur berlebihan, beliau menyatakan rasa malunya terhadap golongan yang memalsukan hadis dengan cara sedemikian. Beliau mengkritik riwayat yang mendakwa bahawa seseorang yang

¹⁶ Ibn Kathīr, 'Imād Abū al-Fidā' Ismā'īl bin 'Umar al-Baṣrī. 1999. *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*. Dār al-Ṭaybah. Hlm 443/7.

menunaikan solat tertentu akan diberikan tujuh puluh tempat tinggal, setiap satu mengandungi tujuh puluh rumah, di dalamnya terdapat tujuh puluh katil, dan pada setiap katil pula terdapat tujuh puluh budak perempuan. Ibn al-Jawzī menegaskan bahawa dakwaan seperti ini tidak masuk akal dan mencampuradukkan hadis dengan unsur yang batil. Kritikan ini menggambarkan betapa pentingnya penelitian terhadap kandungan hadis agar umat Islam tidak terpedaya dengan riwayat yang direka untuk menimbulkan kehairahan atau ketakutan yang tidak berasas dalam beribadah.¹⁷

5.1 Hadis Berunsur Perumpamaan yang Melampau

Menurut Ibn al-Qayyim, terdapat banyak hadis palsu yang mengandungi perumpamaan yang berlebihan, yang tidak pernah diungkapkan oleh Nabi SAW. Salah satu ciri utama hadis palsu ialah matannya mengandungi ganjaran atau ancaman yang keterlaluan, yang bercanggah dengan ajaran Islam yang sahih.¹⁸

مَنْ قَالَ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ خَلَقَ اللَّهُ مِنْ تِلْكَ الْكَلِمَةِ طَائِرًا لَهُ
 سَبْعُونَ أَلْفَ لِسَانٍ لِكُلِّ لِسَانٍ سَبْعُونَ أَلْفَ لُغَةٍ يَسْتَغْفِرُونَ
 اللَّهُ لَهُ وَمَنْ فَعَلَ كَذَا وَكَذَا أُعْطِيَ فِي الْجَنَّةِ سَبْعِينَ أَلْفَ مَدِينَةٍ
 فِي كُلِّ مَدِينَةٍ سَبْعُونَ أَلْفَ قَصْرِ فِي كُلِّ قَصْرٍ سَبْعُونَ أَلْفَ
 حَوْرَاءَ

¹⁷ Ibn 'Irāq al-Kinānī, 'Alī bin Muḥammad. 1981. *Tanzīh al-Sharī'ah al-Marfū'ah 'an al-Akḥbār al-Shanī'ah al-Mawdū'ah*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah. Hlm 7/1.

¹⁸ Ibn al-Qayyim, Muḥammad bin Abī Bakr. 1983, *al-Manār al-Munīf fī al-Ṣaḥīḥ wa al-Ḍa'īf*. Halab: Jam'iyah al-Ta'līm al-Syar'ī Hlm 50-51.

Maksudnya:

“Sesiapa yang mengucapkan Lā Ilāha Illallāh, maka Allah akan menciptakan daripada kalimah tersebut seekor burung dengan tujuh puluh ribu lidah, setiap lidah boleh berbicara dalam tujuh puluh ribu bahasa untuk memohon keampunan kepada Allah bagi individu tersebut. Hadis ini juga mendakwa bahawa sesiapa yang melakukan amalan tertentu akan memperoleh tujuh puluh ribu kota di syurga, dengan setiap kota mengandungi tujuh puluh ribu istana dan setiap istana mempunyai tujuh puluh ribu bidadari”

Ibn al-Qayyim dengan tegas menolak hadis seperti ini kerana kandungannya jelas berlebihan dan melampau. Ia bertujuan menarik perhatian manusia dengan janji ganjaran yang tidak masuk akal. Beliau turut mengkritik pemalsu hadis tersebut dengan menyatakan bahawa individu yang mereka-reka hadis seperti ini berada dalam kejahilan yang mendalam. Kemungkinan lain, mereka adalah zindik yang berniat menghina Nabi SAW dengan mengaitkan kata-kata yang tidak pernah diucapkan oleh Baginda. Hadis seperti ini menimbulkan salah faham dalam masyarakat, kerana ia mewujudkan gambaran yang tidak benar tentang Islam. Selain itu, ia juga memberikan pemahaman yang salah mengenai konsep ganjaran dan balasan dalam agama.¹⁹

5.2 Hadis Ancaman yang Melampau dalam Amalan

Mullā al-Qārī merupakan salah seorang ahli hadis yang menggunakan metode kritik matan bagi menilai hadis-hadis yang mengandungi unsur ancaman dan ganjaran yang berlebihan.

¹⁹ Ibn al-Qayyim, Muḥammad bin Abī Bakr. 1983, *al-Manār al-Munīf fī al-Ṣaḥīḥ wa al-Ḍa‘īf*. Halab: Jam‘iyyah al-Ta‘līm al-Syar‘ī. Hlm 51.

Menurutnya, kejelikan dan keburukan sesuatu makna hadis itu sendiri sudah cukup menjadi bukti bahawa ia adalah pembohongan.²⁰ Salah satu contoh hadis:

مَنْ تَكَلَّمَ بِكَلَامِ الدُّنْيَا فِي الْمَسْجِدِ أَحْبَطَ اللَّهُ أَعْمَالَهُ أَرْبَعِينَ
سَنَةً

Maksudnya:

“Sesiapa yang berbicara tentang hal dunia di dalam masjid, maka Allah tidak akan menerima amalannya selama empat puluh tahun”.

Hadis ini telah dikategorikan sebagai palsu oleh al-Saghānī dalam karyanya *al-Mawdū‘āt*, yang menegaskan bahawa tidak ada satu pun riwayat sahih yang menyokong dakwaan ini. Para sahabat sendiri berbicara, melakukan jual beli, dan berehat di dalam masjid, namun tetap memelihara adab serta kehormatan tempat ibadah.²¹ Pandangan ini turut disokong oleh ulama lain seperti Tāhir al-Fattānī dalam *Tadhkirah al-Mawdū‘āt*²² dan al-‘Ajlūnī dalam *Kashf al-Khafā’*.²³ Mullā al-Qārī menyenaraikan hadis ini dalam karyanya *al-Mawdū‘āt al-Kubrā* dan mengkritik dengan tegas bahawa hadis ini batil dari sudut sanad dan matannya.²⁴ Hadis seperti ini menggambarkan ancaman yang melampau

²⁰ Mullā al-Qārī, ‘Alī, bin S. 1994. *Sharḥ Sharḥ Nukhbah al-Fikr fī Muṣṭalahāt ahl al-Athār*. Beirut: Dār al-Arḡam.. Hlm 444.

²¹ al-Saghānī, Radhī al-Dīn al-Ḥasan bin Muḥammad. 1980. *Mawdū‘āt al-Saghānī*. Damsyik: Dār al-Ma’mūn li al-Turāth. Hlm 36.

²² al-Fattānī, Muḥammad Tāhir bin ‘Alī. 1979. *Tadhkirah al-Mawdū‘āt*. Beirut: Dār al-Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī. Hlm 36.

²³ al-‘Ajlūnī, Ismā‘īl bin Muḥammad. 1351H. *Kashf al-Khafā’*. Kaherah: Maktabah al-Quds. Hlm 240/2. (No Hadis 2440)

²⁴ Mullā al-Qārī, ‘Alī bin Sulṭān. 1986. *al-Asrār al-Marfū‘ah fī al-Akhbār al-Mawdū‘ah*. Beirut: al-Maktab al-Islāmī. Hlm 217.

terhadap perbuatan yang tidak termasuk dalam dosa besar, sekaligus menunjukkan ciri *mujāzafah* (berlebihan) dalam riwayatnya.

5.3 Hadis Berlebihan dalam Ganjaran Amalan

Selain hadis ancaman yang melampau, ahli hadis turut mengkritik hadis yang menjanjikan ganjaran berlebihan terhadap amalan tertentu.

صَلَاةٌ بِعِمَامَةٍ تَعْدِلُ خَمْسًا وَعَشْرِينَ صَلَاةً وَجُمُعَةٌ بِعِمَامَةٍ تَعْدِلُ
سَبْعِينَ جُمُعَةً وَالصَّلَاةُ فِي الْعِمَامَةِ بِعَشْرَةِ آلَافٍ حَسَنَةً

Maksudnya:

“Solat dengan memakai serban menyamai dua puluh lima kali solat biasa, solat Jumaat dengan serban lebih baik daripada tujuh puluh kali solat Jumaat tanpa serban, dan solat dengan serban memperoleh sepuluh ribu ganjaran kebaikan”.

Hadis ini telah direkodkan oleh al-Daylamī berdasarkan riwayat Ibn ‘Umar.²⁵ Manakala Ibn Hajar al-‘Asqalānī menilai bahawa ia bersumberkan seorang perawi yang tidak boleh dipercayai, iaitu al-‘Abbās bin Kathīr al-Raqī.²⁶ Hadis ini turut dikritik oleh al-Albānī dalam kajian takhrījnya yang mendapati bahawa riwayat ini palsu.²⁷ Mullā al-Qārī menukilkan pandangan ulama lain, seperti al-Manufī yang menyatakan bahawa semua riwayat berkaitan keutamaan solat dengan serban adalah batil

²⁵ al-Daylamī, Shīrwiyyah bin Shahrīdār. 1986. *al-Firdaus bima’t’hūr al-Khiṭṭāb*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah. Hlm 109/2. (No Hadis 2571)

²⁶ Ibn Hajar al-‘Asqalānī, Aḥmad bin ‘Alī. 2002. *Lisān al-Mīzān*. Dār al-Bashā’ir al-Islāmiyyah. Hlm 413-414/4.

²⁷ al-Albānī, Muḥammad Nāṣir al-Dīn. 1992. *al-Silsilah al-Āḥādīth al-Ḍa‘īfah al-Mawḍū‘ah wa atharuhā al-Say’i fī al-Ummah*. Riyadh: Dār al-Ma‘ārif. Hlm 249-251/1 (No Hadis 127)

malah al-Sakhāwī menolak hadis mengenai keutamaan memakai cincin dalam solat. Beliau turut menyebut bahawa hadis ini telah dimasukkan oleh al-Suyūṭī dalam al-Jāmi‘ al-Saghīr, meskipun beliau beriltizam untuk tidak menyebut hadis palsu dalam kitabnya.²⁸ Hadis-hadis seperti ini menunjukkan ciri pemalsuan yang jelas kerana ganjaran yang dijanjikan terlalu berlebihan dan tidak berlandaskan prinsip syariat.

6.0 KESIMPULAN

Kritik matan berunsur *mujāzafah* merupakan suatu disiplin penting dalam ilmu hadis yang berperanan mengenal pasti dan menolak riwayat-riwayat yang mengandungi unsur berlebihan yang tidak layak disandarkan kepada Nabi SAW. Islam sebagai agama yang syumul menolak sebarang bentuk pemalsuan terhadap ajarannya, apatah lagi hadis yang menjadi sumber utama umat Islam dalam beragama. Nabi SAW sebagai utusan Allah SWT, tidak mungkin mengeluarkan ucapan yang mengandungi unsur buruk, berlebihan atau bertentangan dengan prinsip wahyu. Oleh itu, pemeliharaan hadis sebagai khazanah suci Islam perlu diberi keutamaan dengan membanteras segala bentuk pemalsuan. Kajian ini menonjolkan hadis-hadis palsu dan bermasalah yang mengandungi unsur *mujāzafah*, agar umat Islam lebih berhati-hati dalam menerima dan mengamalkan sesuatu riwayat. Islam tidak boleh dijadikan alat untuk kepentingan tertentu atau dipermainkan dengan hadis-hadis rekaan yang disandarkan kepada Nabi SAW, sebaliknya pemurnian hadis perlu terus diperjuangkan bagi memastikan umat Islam berpegang kepada ajaran yang benar dan sahih.

²⁸ Mullā al-Qārī, ‘Alī bin Sulṭān. 1986. *al-Asrār al-Marfū‘ah fī al-Akhbār al-Mawḍū‘ah*. Beirut: al-Maktab al-Islamī. Hlm 138.

RUJUKAN

- Al-Albānī, M. N. al-D. 1992. *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa'īfah wa al-Mawḍū'ah*. Riyadh: Dār al-Ma'ārif.
- Al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā'īl. 2001. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Damsyik: Dār Tuq al-Najāh.
- Al-Daylamī, S. bin S. 1986. *al-Firdaws bima'thūr al-Khiṭṭāb*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Dumaynī, M. G. A. 1984. *Maqāyīs Naqd Mutūn al-Sunnah*. Riyadh: Jāmi'ah al-Imām Muḥammad bin al-Su'ūd al-Islāmiyyah.
- Al-Fattānī, M. Ṭāhir. 1979. *Tadhkirah al-Mawḍū'āt*. Beirut: Dār al-Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī.
- Al-Ghazālī, M. bin M. 1993. *al-Mustaṣfā*. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Ḥarbī, N. Ḥamdān. 2015. *Ma'āyir Naqd al-Matan 'ind al-Imām al-Khaṭṭābī*. Taibah University.
- Al-Ṣaghānī, al-Ḥasan bin M. 1980. *Mawḍū'āt al-Ṣaghānī*. Damsyik: Dār al-Ma'mūn li al-Turāth.
- Al-Sajestānī, A. D. 1979. *Su'alat Abī Abid al-Ajri Abā Dāwud al-Sajestānī fī al-Jarḥ wa al-Ta'dīl*. Madīnah al-Munawwarah: 'Imādah al-Baḥath al-'Ilmī bi al-Jāmi'ah al-Islāmiyah al-Madīnah al-Munawwarah.
- Al-Suyūṭī, 'Abd al-Raḥmān bin Abū Bakar. 1994. *Tadrīb al-Rāwī fī sharḥ Taqrīb al-Nawāwī*. Riyadh: Maktabah al-Kawthar.

- Al-‘Ajlūnī, Ismā‘īl bin Muḥammad. 1351H. *Kashf al-Khafā’*.
Kaherah: Maktabah al-Quds.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2005. *Kamus Dewan Edisi Keempat*.
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn al-Qayyim, M. bin A. B. 1970. *al-Manār al-Munīf fī al-Ṣaḥīḥ
wa al-Ḍa‘īf*. Aleppo: Maktabah Maṭbū‘āt Islāmiyyah.
- Ibn al-Ṣalāḥ, ‘Uthmān bin ‘Abd al-Raḥmān. 1986. *Ma‘rifah anwā’
‘Ulūm al-Ḥadīth*. Beirut: Dār al-Fikr al-Mu‘āṣir.
- Ibn Fāris, A. bin F. 1979. *Mu‘jām Maqāyīs al-Lughah*. Beirut: Dār
al-Fikr.
- Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī. 2002. *Lisān al-Mīzān*. Dār al-Bashā’ir al-
Islāmiyyah.
- Ibn Kathīr. 1999. *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm*. Dār al-Ṭaybah.
- Ibn ‘Irāq al-Kinānī. 1981. *Tanzīh al-Sharī‘ah al-Marfū‘ah ‘an al-
Akḥbār al-Shanī‘ah al-Mawḍū‘ah*. Beirut: Dār al-Kutub al-
‘Ilmiyyah.
- Mullā al-Qārī, ‘Alī bin Sulṭān. 1994. *Sharḥ Sharḥ Nukhbah al-Fikr
fī Mustalahāt ahl al-Athār*. Beirut: Dār al-Arqam.
- Mullā al-Qārī, ‘Alī bin Sulṭān. 1986. *al-Asrār al-Marfū‘ah fī al-
Akḥbār al-Mawḍū‘ah*. Beirut: al-Maktab al-Islamī.
- Shafeeq, V. 2018. *Naqd Matn al-Ḥadīth: Tārīkhhu wa Maqāyīsuhu
wa manāḥij al-‘Ulamā’ Fīhi*. Darul Huda Islamic University